

**Si Badang : Anyaman yang Indah**

Anis Sofia Binti Abdul Aziz  
Nurul Izzati Binti Abdul Rahman  
Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi

**Fakulti Pengurusan Maklumat**  
**UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

**ABSTRAK**

*Malaysia sangat terkenal dengan pelbagai khazanah seni, budaya dan warisan. Kepelbagaian kaum yang wujud di Malaysia seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain yang telah membawa pelbagai nilai-nilai murni, adat resam dan tradisi untuk diwarisi generasi ke generasi. Seni Kraftangan tradisional yang dihasilkan melalui anyaman merupakan satu warisan masyarakat Melayu yang mempamerkan budaya dan cara hidup masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Menganyam bermaksud proses menyusun bahan-bahan dalam keadaan bersilang-silang daripada tumbuh-tumbuhan untuk menghasilkan barang seperti badang, topi, bakul, tikar, tudung saji dan beg tangan. Hasil anyaman ini dapat digunakan dalam kehidupan seharian dalam waktu yang lama. Bentuk anyaman yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada kegunaannya dalam kehidupan seharian. Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan sumber daripada bahan bacaan dan sumber lisan.*

**Kata kunci** : Kraftangan tradisional, Anyaman, Melayu, Warisan, Badang

**ABSTRACT**

*Malaysia is very famous for its art treasures, culture and heritage. The diversity that exists in Malaysia as the Malays, Chinese, Indians and others who have a variety of values, customs and traditions passed down through the generations. Traditional crafts produced through woven are a legacy of the Malay community that showcases the culture and way of life of the community in the past.*

*Weaving is the process of arranging materials in a cross-growing state of plants to produce items such as woven trays, hats, baskets, mats, food covers and handbags. The weaving products can be used in daily life for a long time. The form of weaving produced is based on its use in daily life. This research is conducted based on sources from reading materials and oral sources.*

**Keywords:** *Traditional handicrafts, Weaving, Malay, Heritage, Badang.*

## **PENGENALAN**

Kraftangan tradisional telah wujud di Malaysia sejak dahulu lagi dan diperturunkan kepada generasi ke generasi yang menjadi satu warisan sesuatu kaum atau bangsa. Pada abad ke-19, sejarah telah mencatatkan bahawa pelbagai seni kraf tradisional telah berkembang di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, dan Perak (Nik Azma, 2015). Pembuatan kraftangan ini berkaitan dengan kepercayaan agama dan tradisi sesuatu kaum atau bangsa. Kajian ini membincangkan seni kraftangan tradisional anyaman badang yang masih diguna pakai oleh masyarakat sehingga ke hari ini. Badang juga bermaksud nyiru, ayakan, tampian, tampah, dan penampi. Badang lazimnya berbentuk bujur atau bulat, diperbuat daripada buluh atau rotan yang beranyam rapat dan bingkainya beranyam tulang belut (Warisan Budaya, n.d).

Pada zaman dahulu, badang sering digunakan sebagai penampi padi di perkampungan Masyarakat Melayu yang tinggal berhampiran dengan sawah padi. Anyaman adalah proses mengatur atau menyusun sesuatu seperti buluh atau daun mengkuang secara bersilang-silang untuk menghasilkan bakul atau tikar. Bahan asas yang digunakan untuk membuat badang adalah buluh yang perlu diraut halus dan nipis terlebih dahulu untuk memudahkan proses anyaman badang. Bentuk anyaman yang dihasilkan adalah seperti badang berbentuk bulat atau bujur. Bentuk anyaman ini dilakukan adalah mengikut kepada kegunaannya dan hasil anyaman ini dikatakan mampu bertahan lama untuk digunakan dalam kehidupan seharian. Namun begitu, tidak ramai yang masih membuat dan menghasilkan seni anyaman badang pada masa kini. Selain itu, seni anyaman badang ini semakin kurang diminati disebabkan oleh penggunaan peralatan moden dalam kehidupan seharian dan juga bahan yang diperlukan untuk membuat seni anyaman badang makin sukar didapati. Oleh

itu, seni kraftangan tradisional anyaman badang ini perlulah dikekalkan agar generasi masa depan dapat mengenali dan mengetahui keunikannya.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Seni kraftangan tradisional anyaman badang masih diguna pakai oleh masyarakat sehingga ke hari ini. Namun begitu, tidak ramai yang mengenali dan mengetahui mengenai seni anyaman badang terutamanya golongan muda (Marius, 2011). Hal ini demikian kerana kurangnya kajian, maklumat, serta perkembangan terkini mengenai anyaman badang. Jika keadaan ini berterusan, seni anyaman badang akan dilupakan dan hilang ditelan zaman.

Selain itu, tidak ramai yang masih membuat dan menghasilkan seni anyaman badang. Menurut Muhamad Hasnan (2019), kekurangan pelapis baru dalam meneruskan seni anyaman badang ini adalah disebabkan golongan muda kurang berminat untuk menceburi bidang anyaman. Mereka beranggapan bidang ini hanya membuang masa dan tenaga dan tidak menghasilkan pendapatan yang lumayan. Pemikiran sebegini akan menyebabkan seni warisan ini akan hilang ditelan arus pemodenan.

Di samping itu, tidak ramai yang masih menggunakan anyaman badang dalam kehidupan harian mereka. Menurut Marius (2011), masyarakat pada masa kini lebih memilih menggunakan peralatan moden dalam kehidupan seharian kerana lebih mudah dan cepat. Ini menyebabkan penggunaan anyaman badang dalam kehidupan seharian semakin kurang mendapat sambutan.

Tambahan lagi, bahan semula jadi yang digunakan untuk membuat kraftangan ini semakin kurang dan susah untuk didapatkan pada masa kini (Memori Kedah, n.d). Kesesuaian buluh perlu dititikberatkan dalam penghasilan anyaman badang. Kesalahan dalam pemilihan buluh yang sesuai akan menghasilkan anyaman badang tidak berkualiti dan tidak tahan lama.

Oleh itu, kajian mengenai anyaman badang ini perlu dilakukan supaya maklumat serta perkembangan terkini seni anyaman badang dapat diketahui dan diperluaskan oleh masyarakat dan negara. Generasi masa depan juga dapat mengenali dan mempelajari teknik pembuatan anyaman badang melalui kajian yang telah dilakukan dan diwariskan dari generasi ke generasi.

Keunikan corak dan pembuatannya perlu dipelihara dan dikekalkan daripada hilang ditelan zaman.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam kajian ini, terdapat tiga objektif yang telah diperolehi semasa penyelidikan dijalankan. Objektif pertama adalah untuk mengetahui sejarah pembuatan anyaman badang dalam kalangan masyarakat. Sejarah pembuatan anyaman badang bermula di perkampungan orang Melayu yang tinggal di kawasan sekitar sawah padi. Anyaman badang dilakukan oleh kaum wanita untuk menampi padi untuk dijadikan beras kerana pada zaman dahulu tiada teknologi yang dapat memproses padi untuk dijadikan beras.

Objektif kedua ialah untuk mempelajari proses dan teknik pembuatan anyaman badang. Proses yang digunakan untuk membuat badang ialah mengambil buluh, membelah buluh, mengeringkan buluh, menganyam buluh dan membuat bingkai badang. Teknik yang digunakan untuk membuat anyaman badang ialah teknik susunan bersilang-silang.

Objektif yang ketiga ialah untuk mengenalpasti perkembangan yang didapati daripada anyaman badang. Anyaman badang dapat digunakan untuk pelbagai tujuan. Contohnya selain dijadikan penampi padi dan untuk menjemur ikan, badang yang bersaiz kecil boleh dijadikan sebagai perhiasan dan boleh dijadikan sebagai tapak hantaran. Peranan pihak yang bertanggungjawab dalam memperkembangkan seni anyaman badang juga diperlukan untuk membolehkan anyaman badang dikenali.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian dapat membantu menyelesaikan masalah atau isu yang dibangkitkan dalam kajian anyaman badang. Persoalan kajian yang pertama adalah bagaimanakah sejarah pembuatan anyaman badang dalam kalangan masyarakat? Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menghuraikan bagaimanakah sejarah pembuatan anyaman badang bermula dalam kalangan masyarakat dan faktor yang mempengaruhi pembuatan anyaman badang (Warisan Budaya, n.d). Persoalan ini akan merangkaikan mengapakah seni

anyaman badang perlu dikembangkan dan dijaga supaya tidak ditelan arus pemodenan.

Persoalan kajian yang kedua ialah apakah proses dan teknik pembuatan anyaman badang? Kajian ini dilakukan untuk menjelaskan proses dan teknik yang digunakan untuk menghasilkan anyaman badang pada masa kini (Salbiah Kindoyop, 2016). Disamping itu, persoalan ini dapat mengetahui cabaran dalam pembuatan seni anyaman badang ini.

Persoalan yang terakhir ialah apakah perkembangan yang didapati daripada anyaman badang? Kajian ini cuba menjelaskan perkembangan seni anyaman badang dan apakah peranan pihak yang bertanggungjawab dalam membangunkan seni anyaman ini supaya dikenali oleh masyarakat. Melalui persoalan yang diutarakan ini akan menentukan siapakah pihak yang terlibat dalam memperkenalkan anyaman badang dan mengetahui apakah bantuan yang patut disumbangkan dalam seni anyaman badang (Marius, 2011).

### **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Melalui kajian yang telah dilakukan terhadap anyaman badang, terdapat pelbagai impak yang boleh dapati. Impak yang pertama ialah dapat mengenali dan mengetahui sejarah sesuatu warisan dan budaya orang-orang terdahulu. Sejarah anyaman badang perlu dikekalkan supaya seni anyaman badang dapat disimpan dan dipelihara dari generasi ke generasi dan supaya tidak pupus.

Selain itu, dapat memupuk minat generasi muda untuk mempelajari teknik dan proses dalam seni anyaman badang supaya tidak hilang ditelan zaman yang serba berteknologi canggih ini. Kajian ini dapat mengenalkan teknik dan proses dalam pembuatan seni anyaman badang kepada generasi muda berdasarkan maklumat yang dikumpulkan melalui penyelidikan yang dijalankan.

Di samping itu, melalui kajian ini juga dapat mengetahui kegunaan anyaman badang dalam kehidupan sehari. Pelbagai kegunaan badang dapat dimanipulasi mengikut peredaran zaman. Setiap anyaman yang dihasilkan memerlukan kemahiran dan kreativiti seseorang dalam melakukan perubahan terhadap kegunaan seni anyaman badang mengikut kesesuaian kegunaannya.

Melalui kajian ini juga, kita dapat merakamkan dan menghargai sumbangan tokoh dalam menjaga warisan dan budaya masyarakat Malaysia daripada pupus. Seni anyaman badang perlu dijaga dan dipertahankan kerana keunikkan yang terdapat dalam penghasilan kelarai supaya tidak pupus ditelan zaman. Kelarai yang digunakan dalam anyaman badang lebih rumit pembuatannya dan berbeza dengan kelarai yang digunakan untuk menghasilkan tikar dan dinding rumah. Kepentingan kajian juga dapat dijadikan sebagai sumber rujukan untuk penyelidikan dan pembelajaran pada masa akan datang.

### **TINJAUAN LITERATUR**

Berdasarkan kajian berkaitan dengan seni anyaman, terdapat pelbagai jenis anyaman yang dilakukan oleh masyarakat Malaysia seperti anyaman buluh, anyaman mengkuang, anyaman pandan, anyaman benbam, anyaman rotan, anyaman lidi, dan anyaman ribu-ribu (Nor Hafiza Ismail, 2013). Setiap jenis anyaman ini menghasilkan pelbagai barangan mengikut kesesuaian bahan yang digunakan. Anyaman buluh yang menggunakan buluh sebagai bahan asas pembuatan menghasilkan barangan seperti tikar, bakul, tudung saji, topi, beg tangan dan badang. Namun begitu, kajian mengenai anyaman buluh yang menghasilkan anyaman badang kurang ditemui dalam kajian yang terdahulu.

Seni anyaman merupakan warisan masyarakat Melayu yang sangat dikagumi kerana keunikan corak dan bentuk yang dihasilkan. Seni anyaman juga mempunyai nilai-nilai budaya dan tradisi orang Melayu sejak zaman dahulu yang mempengaruhi kegiatan seharian (Nor Faizah Mohamed, 2015). Hal ini dapat dilihat melalui hasil anyaman seperti topi, bakul, tudung saji, tikar, dan nyiru yang dibuat berdasarkan fungsinya dalam kehidupan. Selain itu, dinding rumah orang zaman dahulu yang dihasilkan melalui anyaman buluh dan nipah menonjolkan kehalusan seni anyaman yang masih bertahan hingga ke hari ini.

Bahan asas yang digunakan untuk membuat anyaman seperti mengkuang, pandan, atau buluh tidak banyak perbezaan teknik anyamannya. Proses meraut dan mengeringkan diperlukan untuk semua jenis bahan asas anyaman untuk memudahkan proses anyaman dilakukan dan juga menjaga kualiti hasilnya. Seperti buluh yang digunakan dalam anyaman tikar, buluh direbus dalam air yang mengandungi sodium hidroksida, iaitu sejenis

bahan untuk mengawet yang akan mengeluarkan kandungan gula dalam buluh sebelum dicuci bersih untuk dikeringkan (Seni Dan Budaya Malaysia, n.d). Hal ini dilakukan supaya tidak dimakan bubuk untuk membolehkan anyaman tikar tahan lebih lama. Kemudian, buluh akan dibelah dan direndam sekali lagi ke dalam air selama satu atau dua jam sebelum disalai sehingga kering. Selepas itu, buluh akan diraut sehingga nipis mengikut kehendak saiz sebelum diwarnakan dengan merebus di dalam air larutan pewarna agar kelihatan cantik dan menarik apabila dianyam. Proses anyaman buluh adalah sama dengan anyaman menggunakan mengkuang atau pandan.

Menurut Salbiah Kindoyop (2016), yang menjalankan kajian mengenai kraf anyaman warisan etnik Dusun Tindal yang mempunyai kesenian dan keindahan tersendiri. Rekaan motif dan corak yang dihasilkan adalah berdasarkan fungsinya dalam aktiviti seharian mereka. Selain itu, motif yang dihasilkan juga menggambarkan identiti budaya dan kesenian etnik Dusun Tindal yang diturunkan dari satu generasi ke generasi. Bahan asas yang digunakan adalah bambu dan rotan untuk menghasilkan barangan seperti bakul nurod, bakul sesiri, atau dikenali sebagai badang dan sirung iaitu tudung saji. Rekaan kraf anyaman dilakukan menggunakan alatan yang khusus untuk menghasilkan kraf yang unik.

Penghasilan kraftangan anyaman seperti beg moden, dompet, kotak tisu dan bakul merupakan hasil seni anyaman masyarakat Batu Lunguyan, Sabah yang dikenali kehalusan anyamannya dan juga penggunaan 'salingkawang' dalam produk mereka. Utusan Borneo (2017). Salingkawang adalah sejenis pokok paku pakis yang digunakan oleh pengusaha kraf buluh untuk mengikat produk kraf. Buluh poring digunakan untuk membuat anyaman kerana tahan lama, lasak, tidak kasar dan sesuai untuk menganyam pelbagai motif. Motif yang digunakan adalah motif tradisional gabungan suku kaum Murud dan Dusun dalam anyaman kelarai mereka.

Menurut Salmah Omar (2016) yang membincangkan tentang seni anyaman tikar orang Ulu Sarawak, seni anyaman merupakan satu seni budaya yang didasari oleh ilmu, adat, kepercayaan dan amalan tradisi yang diwarisi sejak turun temurun. Anyaman tikar dilakukan menggunakan bahan seperti rotan kerana lebih tahan dan selesa digunakan. Kajian ini memfokuskan tentang alatan dan motif yang digunakan dan kaedah pembuatan anyaman tikar oleh orang Ulu Sarawak.

Rekaan corak kelarai pada anyaman tikar Alam Melayu merupakan rekaan sangat unik kerana menggunakan konsep geometri dalam corak anyaman (Ros Mahwati Ahmad Zakaria, 2018). Kajian ini menyetengahkan analisis simetri dalam rekaan corak kelarai pada anyaman tikar. Anyaman yang dihasilkan tanpa kelarai dianggap kosong. Penghasilan kelarai memerlukan kreativiti dan kemahiran dalam membentuk corak, mengira sudut anyaman dalam penyusunan warna, dan kecekapan dan ketelitian setiap tindihan anyaman secara konsisten bagi permukaan anyaman.

Seni kraf beg tangan wanita daripada anyaman buluh dihasilkan sejak turun-temurun oleh masyarakat Kampung Batu Lunguan, Keningau Sabah (Siti Salmiah A Hamid, 2017). Kajian ini menerangkan proses dan teknik untuk membuat beg tangan wanita yang menggunakan buluh poring kerana tahan lasak. Teknik jahitan dan himpunan warna yang pelbagai juga digunakan untuk menghasilkan beg tangan yang sempurna. Selain itu, motif yang digunakan untuk menghasilkan beg tangan anyaman buluh ini adalah motif tradisional suku Dusun yang menceritakan asal usul masyarakat dan kisah yang diwarisi secara turun-menurun.

Noor Hafiza Ismail (2013) yang menjalankan kajian mengenai budaya dan tradisi seni anyaman melayu menjelaskan penggunaan bahan anyaman, motif, dan reka corak yang pelbagai menghasilkan barang anyaman yang mempunyai nilai estetik yang tersendiri mengikut kesesuaian bahan. Motif yang dihasilkan adalah daripada proses pengulangan corak yang sama untuk membentuk satu reka corak yang unik dan menarik. Penghasilan motif juga dikaitkan dengan aktiviti penyusunan daripada reka bentuk organik dan geometrik.

Teknik-teknik seni anyaman Melayu perlu diterjemahkan ke dalam bentuk perisian multimedia interaktif yang mampu menyebarkan maklumat berkaitan dengan Seni Anyaman Melayu berasaskan buluh, mengkuang dan rotan (Razana Baharudin, 2014). Fokus kajian yang dilakukan ialah bahan, alat dan proses yang dilakukan untuk membuat anyaman nyiru, tikar dan kerusi yang perlu disebarkan melalui perisian multimedia interaktif supaya ilmu dan kemahiran dalam bidang seni anyaman dapat dikembangkan dan dikenali dalam kalangan masyarakat.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan tentang anyaman, timbul keinginan untuk menjalankan kajian mengenai anyaman buluh yang



memfokuskan kepada anyaman badang. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui sejarah pembuatan dan mempelajari proses dan teknik anyaman badang. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengenalpasti perkembangan yang ada dalam proses pembuatan anyaman badang.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif iaitu menggunakan teknik sejarah lisan dengan menemubual tokoh seni anyaman badang untuk mendapatkan maklumat kajian. Soalan temubual dilakukan berbentuk temubual berstruktur, iaitu soalan mengenai latar belakang tokoh, soalan mengenai pengalaman, cabaran, dan sumbangan tokoh sepanjang menceburi bidang anyaman badang, dan soalan mengenai anyaman badang. Selain itu, kajian dilakukan berdasarkan sumber pembacaan yang didapati berkaitan bidang yang dikaji.

Puan Fatimah Binti Hassan merupakan tokoh yang berkemahiran dalam penghasilan dan pembuatan anyaman yang berasaskan buluh. Beliau berusia 65 tahun dan telah menceburi bidang penghasilan kraftangan tradisional berdasarkan anyaman buluh ini pada tahun 1980an. Tokoh ini dipilih melalui kenalan dengan anak tokoh di media sosial iaitu *Facebook* dan *Whatsapp*.

Tokoh ini dipilih kerana seni kraftangannya yang masih digunapakai sehingga ke hari ini. Contoh seni kraftangan yang dihasilkan oleh beliau adalah badang atau dikenali sebagai nyiru atau penampi, bakul, dan kelarai dinding rumah. Kajian tentang anyaman badang ini dijalankan kerana keunikan motif dan kaedah pembuatannya yang menarik. Selain itu, kajian ini dilakukan kerana didapati anyaman badang kurang dikenali dalam kalangan masyarakat.

Prosedur yang digunakan untuk mengumpul data bagi projek sejarah lisan ialah dengan menggunakan kaedah sesi temu bual. Dalam hal ini, beberapa soalan akan diajukan untuk dijawab oleh tokoh. Temu bual yang dijalankan adalah temu bual secara bersemuka (*face to face*) dan online (*Google Meet*).

**HASIL KAJIAN****Sejarah Pembuatan**

Pada zaman dahulu, badang sering digunakan di perkampungan Masyarakat Melayu yang tinggal berhampiran dengan sawah padi. Hal ini kerana badang digunakan untuk menampi padi iaitu membuang sekam dan hampa padi. Badang dihasilkan dari buluh yang telah diraut halus dan nipis. Buluh ini diambil di kawasan hutan yang berhampiran dengan kawasan perkampungan. Badang mempunyai satu jenis kelarai sahaja iaitu kelarai badang. Menurut R.Kala A/P K.Ramiah (2021), kegiatan menganyam ini juga dikatakan dilakukan oleh kaum wanita untuk mengisi masa lapang sahaja dan bukanlah sebagai pekerjaan utama.



Gambar 1 : Anyaman badang bahagian dalam (Hasil ehsan tokoh)



Gambar 2 : Anyaman badang bahagian luar (Hasil ehsan tokoh)

Jadual 1: Bahan asas pembuatan

Bil	Jenis buluh	Nama Sainstifik	Penerangan
1	Semeliang juga dikenali sebagai buluh beti atau buluh semenyeh	<i>Schizostachyum grande</i>	Ruas lebih panjang
2	Buluh minyak juga dikenali sebagai buluh gading, buluh aro, buluh temalang	<i>Bambusa vulgaris</i>	Batang yang lebih nipis

Jadual 2: Alatan yang digunakan

Bil	Nama alat	Fungsi
1	Parang	Untuk membelah buluh
2	Pisau raut	Untuk menipiskan buluh
3	Penyepit telinga kera	Untuk menyepit buluh bingkai
4	Pemutar skru	Untuk menebuk lubang
5	Tali	Untuk mengikat bingkai



Gambar 3 : Alatan yang digunakan (Hasil ehsan tokoh)

**Proses Pembuatan**

Menurut Fatimah Hassan (2020) bahan asas yang digunakan ialah buluh. Buluh yang digunakan ialah buluh jenis semeliang untuk membuat anyaman dan juga buluh minyak untuk membuat bingkai badang. Buluh yang diambil perlu diraut halus dan nipis dahulu sebelum dikeringkan. Buluh dikeringkan atau dianginkan selama dua minggu supaya anyaman menjadi rapat dan tidak jarang ketika melakukan anyaman. Badang perlu diasapkan di atas api selama dua minggu atau sebulan untuk mengelakkan bubuk atau haiwan perosak buluh merosakkan anyaman dan supaya anyaman badang tahan lama.



Gambar 4 : Buluh yang sudah diraut halus dan nipis (Hasil ehsan tokoh)

**Teknik Anyaman**

Buluh yang digunakan untuk membuat anyaman adalah buluh semeliang. Buluh ini sesuai digunakan untuk membuat anyaman badang kerana ruas yang panjang iaitu dua kaki hingga tiga kaki panjang. Ini memudahkan proses membelah buluh untuk mengambil saiz yang dikehendaki untuk membuat anyaman badang. Buluh dibelah sepanjang dua kaki setengah. Manakala, buluh yang digunakan untuk membuat bingkai pula adalah buluh minyak. Buluh ini digunakan dalam anyaman badang kerana batangnya yang lebih nipis. Ini memudahkan proses untuk meraut buluh supaya menjadi nipis dan halus mengikut saiz yang dikehendaki. Selain itu buluh ini digunakan kerana mudah untuk dilenturkan ketika membuat bingkai sama ada bingkai bulat atau bingkai bujur.

Buluh yang siap diambil perlu dibelah dan diraut nipis mengikut saiz yang diperlukan. Untuk anyaman badang, saiz buluh yang diperlukan adalah sepanjang dua kaki lima inci untuk membuat badang bersaiz dua kaki. Lebarnya adalah lebih kurang dua hun iaitu bersamaan suku inci. Manakala untuk buluh membuat bingkai pula, panjangnya adalah lima kaki, lebarnya lebih kurang satu inci, dan mempunyai ketebalan suku inci. Raut buluh sehingga mudah untuk dilenturkan menjadi seperti nombor lapan.

Teknik yang digunakan untuk membuat anyaman kelarai badang adalah teknik susunan bersilang-silang. Teknik ini memerlukan kerja tangan yang cekap dan teratur untuk mengelakkan sebarang kesilapan yang berlaku ketika susunan dilakukan. Apabila melakukan kesilapan ketika aktiviti penyusunan dilakukan, susunan perlu dilakukan semula kerana teknik yang salah akan merosakkan keseluruhan susunan kelarai. Susunan kelarai mestilah rapat-rapat untuk mengelakkan bahan yang ditampi daripada terkeluar semasa proses menampi.

Buluh yang diraut halus dan nipis atau dipanggil bilah buluh digunakan lebih kurang 158 hingga 200 bilah untuk menghasilkan satu biji badang. Langkah-langkah menganyam kelarai badang ialah angkat dua tindih tiga, angkat empat tindih tiga. Kemudian, ulangi proses tersebut sehingga siap. Setiap tindihan bilah mestilah tiga sahaja untuk bahagian bawah. Untuk angkat bahagian atas adalah dua dan empat sahaja. Ini kerana ketebalan badang adalah tiga lapis anyaman buluh.

Untuk membuat bingkai buluh, dua buluh yang diraut halus dan nipis diperlukan untuk satu bingkai badang. Buluh dilenturkan untuk membuat bentuk bulat atau bujur. Anyaman kelarai badang berada di bahagian tengah dan diapit oleh dua buluh bingkai yang sudah dilenturkan menjadi bulat atau bujur, untuk proses mengikat anyaman kelarai badang pada bingkai. Anyaman diapit pada bingkai menggunakan pengepit telinga kera untuk memudahkan proses menjahit untuk melekatkan anyaman pada bingkai. Pemutar skru digunakan untuk membuat lubang pada bingkai sebelum proses menjahit. Tulang belut digunakan untuk menutup lubang yang dibuat untuk jahitan. Tulang belut yang diikat secara silang pangkah merupakan proses terakhir dalam anyaman badang.

Menurut Memori Kedah (2021), proses anyam turut dikenali sebagai 'menaja'. Waktu yang sesuai untuk melakukan anyaman ialah pada waktu

pagi, petang atau malam kerana cuaca yang redup ini menjadikan daun-daun lebih mudah dilentur.

### **Kegunaan**

Pada masa dahulu, kegunaan badang adalah untuk menampi padi dan membuang sekam padi seperti membuang hampa dan membuang semut-semut di beras. Kegunaan bagi setiap badang bergantung kepada jenis dan bentuk badang tersebut. Kemudian, ia juga boleh digunakan untuk menjemur ikan, keropok, kerepek, tepung, gula dan ubi. Di samping itu, badang yang bersaiz kecil juga boleh dijadikan perhiasan dan tapak hantaran.

### **Ketahanan**

Badang yang dihasilkan daripada buluh yang melalui proses pengeringan dapat bertahan selama dua puluh tahun. Badang ini perlu diletakkan di kawasan yang teduh daripada cuaca yang panas dan badang ini juga boleh digunakan sehingga berubah warna kemerahan. Selain itu, pemilihan jenis buluh sangat penting dalam membuat anyaman badang agar dapat menghindari daripada dimakan oleh anai-anai, dan bubuk. Untuk badang ini dapat dikekalkan dengan lebih lama, badang ini perlu sering digunakan untuk mengelakkan dimakan bubuk. Kemudian, setelah digunakan, sapukan menggunakan kain kering dan anginkan.

### **Cabaran**

Daripada hasil kajian, cabaran yang dihadapi adalah semasa mendapatkan bahan untuk membuat anyaman badang. Hal ini kerana pada masa kini bahan asas seperti buluh semakin susah didapati. Selain itu, kawasan untuk mendapatkan buluh seperti di hutan atau di bukit boleh mendatangkan ancaman bahaya kerana di kawasan itu juga merupakan kawasan tempat tinggal binatang liar seperti ular, lipan dan sebagainya. Disamping itu, membuat anyaman ini memerlukan kesabaran yang tinggi kerana teknik dan proses menganyam yang sukar. Hal ini demikian kerana proses anyaman di lakukan dari proses mencari dan memilih buluh yang sesuai hingga kepada menebang, membelah, meraut dan menyusun buluh-buluh tersebut mengikut susunan. (Hasmah Awang Mamat,2020). Hal ini turut disokong oleh Fatimah Binti Hassan (2020). Seni anyaman ini, ia memerlukan

daya teliti dan perlu berdaya kreatif serta perlu mempunyai minat yang mendalam terhadap anyaman badang ini.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, seni kraftangan anyaman badang sangat unik dan rumit proses pembuatannya. Pemilihan buluh memainkan peranan yang sangat penting kerana jika salah memilih buluh dalam proses pembuatan ini akan menyebabkan hasil anyaman badang akan menjadi tidak berkualiti dan tidak tahan lama. Selain itu, proses dan teknik anyaman perlu diambil perhatian kerana kelarai yang digunakan adalah berbeza daripada anyaman tikar atau bakul. Usaha untuk memelihara dan mempertahankan keunikan seni anyaman badang mestilah berterusan supaya tidak hilang ditelan oleh peredaran zaman. Disamping itu, seni anyaman ini perlulah didedahkan kepada generasi muda agar golongan ini dapat mengenali dan mengetahui apa itu seni anyaman badang serta memartabatkan seni ini ke peringkat antarabangsa. Warisan dan kebudayaan juga amat penting untuk dijaga, dipelihara, diberi perhatian serta sokongan, daripada pelbagai pihak supaya dapat dikekalkan dan dimanfaatkan bersama. Oleh itu, kajian ini amat penting bagi mengukuhkan objektif kajian dan merungkaikan setiap persoalan yang muncul dalam kajian ini.

## RUJUKAN

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marius., Ayie., & Sam. (2011). Industri Kraftangan. Retrieved on February 3, 2021 from <http://industri-kraftangan.blogspot.com/2011/08/industri-kraftangan.html>
- Memori Kedah. (n.d). Seni Anyaman Tradisional. Retrieved on February 3, 2021 from [https://www.memori-kedah.com/page\\_pengenalan.php?pageNum\\_Recordset1=26&totalRows\\_Recordset1=42&p=2&idstopic=5&idskandungan=22&mtopic=1](https://www.memori-kedah.com/page_pengenalan.php?pageNum_Recordset1=26&totalRows_Recordset1=42&p=2&idstopic=5&idskandungan=22&mtopic=1)
- Mohamad Zulhairie Manzaidi. (2017). Bakti seni 30 tahun. Retrieved on January 16, 2021 from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/12/292261/bakti-seni-30-tahun>
- Muhamad Hasnan., Muhammad Mansur., Nurhidayah., Dg Nurasyhikin., & Nurfaziyatul Amira. (2019). Kraftangan Di Kampung Pichin. Retrieved on February 3, 2021 from [https://www.academia.edu/39175892/JURNAL\\_KRAFTANGAN\\_KG\\_PICHIN](https://www.academia.edu/39175892/JURNAL_KRAFTANGAN_KG_PICHIN)
- Nik Azma. (2015). Perkembangan Industri Kraftangan Dan Kesannya Kepada Ekonomi Di Negeri Kelantan. Retrieved on November 8, 2020 from <https://ir.unimas.my/20017/1/Perkembangan%20industri%20kraftangan%20%2824%20pages%29.pdf>

- Nor Faizah Mohamed. (2015). Warisan Melayu Dikagumi Dunia. *Harian Metro*. Retrieved on January 8, 2020 from <https://www.hmetro.com.my/node/95409>
- Nor Hafiza Ismail. (2013). Budaya Dan Tradisi Seni Anyaman Melayu. Retrieved on November 8, 2020 from [http://melayu.library.uitm.edu.my/3188/1/PRO\\_NOOR%20HAFIZA%20ISMAIL%20IMP%2013.pdf](http://melayu.library.uitm.edu.my/3188/1/PRO_NOOR%20HAFIZA%20ISMAIL%20IMP%2013.pdf)
- Razana Baharudin., Noriza Nayan., & Nur Saadah Fathil. (2014). Pembangunan Perisian Multimedia Interaktif: Seni Anyaman Melayu. *Journal of ICT in Education*. Retrieved on January 7, 2021 from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JICTIE/article/view/2593/1653>
- R.Kala A/P K.Ramiah. (2021). Sejarah Anyaman. Retrieved on January 16, 2021 from <http://anyamankala.blogspot.com/2011/12/sejarah-anyaman.html>
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria., Mohd Rohaizat Abdul Wahab., Mohammad Anis Abdul Samad., & Siti Norbaya Mat Yacob (2018). Analisis Simetri Rekaan Corak Kelarai Anyaman Tikar Di Alam Melayu. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 31(1) : 19-26.
- Seni Anyaman Tradisional - Pengenalan. (2021). Retrieved January 16, 2021, from [https://www.memori-kedah.com/page\\_pengenalan.php?p=1&idstopic=5&mtopic=1](https://www.memori-kedah.com/page_pengenalan.php?p=1&idstopic=5&mtopic=1)
- Sakini Mohd Said (2017). Anyaman 'salingkawang' kraf unik Sabah. *Utusan Borneo Online*. Retrieved on Januari 6, 2021 from <https://www.utusanborneo.com.my/2017/03/14/anyaman-salingkawang-kraf-unik-sabah>
- Salbiah Kindoyop, Humin Jusilin, & Noria Tugang. (2016). Konsep reka corak kraf anyaman tradisional dan signifikasinya dalam warisan kearifan masyarakat Dusun Tindal di Sabah. *Conference Proceeding 6th International Conference on Local Knowledge 2016 (ICLK)*, 82–87. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Salmah Omar, Philip Lepun, & Ribka Alan. (2016). Etnik dan pembentukan landskap budaya Malaysia: Seni anyaman tikar orang Ulu Sarawak. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (10) : 21-28.
- Seni Dan Budaya Malaysia (n.d). Tikar Buluh. Retrieved on Januari 6, 2021 from <https://sites.google.com/site/senidanbudayamalaysia/tikar-buluh>
- Siti Salmiah A Hamid. (2017). Anyaman Buluh. *Harian Metro*. Retrieved on Januari 6, 2021 from <https://www.hmetro.com.my/node/210545>
- Warisan Budaya. (n.d). Nyiru. Retrieved on February 3, 2021 from <http://warisanbudaya.50webs.com/file/Nyiru.html>